

21/06/1999

Dua Adun PBS sertai Umno

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Ahad - Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Abdul Malek Chua dan seorang lagi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) parti itu, menyertai Umno hari ini.

Malek yang juga Adun Kiamut dan Ulin Pamiang (Pensiangan), menyerahkan borang kemasukan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam, berkata penyertaan dua Adun beragama Islam itu ke dalam Umno akan mengukuhkan kerajaan BN serta memudahkan usaha kerajaan membasmi kemiskinan di negeri itu.

"Kawasan seperti Pensiangan adalah antara yang paling mundur dan selagi Adun mereka tidak menyertai kerajaan, sudah tentu rakyat kawasan itu sukar dibela oleh wakil rakyat dan kerajaan.

"Kerana itu adalah tepat bagi kedua-dua wakil rakyat ini menyertai Umno dan BN untuk membolehkan serta memudahkan kerajaan menyalur bantuan bagi menangani masalah kemiskinan yang wujud sejak sekian lama," katanya selepas membawa dua Adun berkenaan menemui Presiden Umno.

Menurutnya, jurang kemiskinan di negeri itu dapat dikurangkan daripada 45 peratus beberapa tahun lalu kepada 26 peratus dan kerajaan menetapkan matlamat pengurangan kepada 16 peratus dalam tempoh dua tahun.

Sementara itu, Abdul Malek berkata, penyertaannya ke dalam Umno adalah untuk menyelesaikan pergolakan politik yang memperlahankan pembangunan negeri itu.

"Kalau terlalu banyak bergolak selagi itu kerajaan tidak boleh menumpu perhatian kepada pembangunan Sabah ... ia adalah agenda terpenting," katanya.

Ulin pula berkata, mereka menyertai Umno untuk mengukuhkan kedudukan rakyat Bumiputera serta menyelesaikan pelbagai masalah politik.

"Matlamat utama kami ialah menyatukan rakyat Bumiputera terutama bagi menyelesaikan masalah politik dan membenarkan kerajaan menjalankan tugas dengan selesa, tanpa terlalu banyak gangguan politik.

"Saya mengambil keputusan ini tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak atau dijanjikan sebarang imbuhan tetapi demi kesedaran saya dan kepentingan rakyat yang saya wakili," katanya.

Menjawab soalan, Osu menjangka lebih ramai ahli PBS terutama penyokong kedua-dua Adun berkenaan akan menyertai BN tidak lama lagi.

(END)